

Usah selindung jika hadapi masalah

Penuntut baharu digalak rujuk Pejabat Hal Ehwal Pelajar dapatkan bantuan

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima kemasukan 2,529 penuntut baharu untuk program Ijazah Sarjana Muda bagi sesi 2017/2018.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTHM, Prof Madya Dr Asri Selamat berkata, kumpulan penuntut yang terpilih untuk melanjutkan pengajian di institusi itu dinasihatkan memanfaatkan peluang pendidikan yang ada sebaik mungkin.

Menurutnya, selain pendaftaran penuntut ini, UTHM akan turut menerima satu lagi sesi pendaftaran membabitkan bakal penuntut yang terlibat dalam tempoh rayuan.

"Jumlah penuntut yang akan diterima meningkat. Kesemua yang mendaftar akan mengikuti program akademik ditawarkan UTHM melalui lapan fakulti, mengikut surat tawaran masing-masing," katanya ketika ditemui di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, semalam.

Beliau berkata, UTHM juga mengingatkan kepada



Asri ketika bertemu dengan ibu bapa pelajar yang menerima tawaran dan melakukan pendaftaran pengajian anak mereka bagi sesi 2017/2018.

INFO

- Pelbagai kemudahan disediakan dan bantuan kepada penuntut kurang bernasib baik seperti bantuan makanan melalui program Sabil Al Hikmah selain pemberian zakat kepada yang layak

semua penuntut baharu bahawa pihak universiti sedia membantu mereka yang menghadapi masalah sepanjang tempoh pengajian.

Katanya, pelbagai kemudahan disediakan dan

bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti bantuan makanan melalui program Sabil Al Hikmah selain pemberian zakat kepada yang layak.

"Justeru, kepada penuntut yang menghadapi masalah,

kami alu-alukan kedatangan anda semua di Pejabat Hal Ehwal Pelajar bagi tujuan mendapatkan bantuan," katanya.

Sementara itu, Mohd Danial Haikal, 23, dari Sungai Petani, Kedah, berkata, tawaran menyambung pengajian di UTHM merupakan peluang tidak ternilai bagi dirinya.

"Saya memohon tempat di UTHM sebagai pilihan pertama," katanya.